



Headline: Peniaga wanita rugi RM102,050 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 22 September 2020

Page: 20

Peniaga wanita rugi RM102,050 ditipu Macau Scam

Alor Setar: Seorang peniaga rugi RM102,050 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar dari Pos Laju Malaysia, sebelum disambungkan kepada 'polis'.

Wanita berusia 46 tahun itu dikatakan menerima panggilan daripada seorang lelaki, kemudian disambungkan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis dari Bukit Aman pada jam 12 tengah hari, 15 September lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Elias Omar, berkata mangsa yang tinggal di Jalan Tunku Abdul Halim, di sini dimaklumkan mempunyai barang terlarang di pejabat Pos Laju Malaysia.

Beliau berkata, pemanggil menawarkan diri untuk membantu mangsa daripada ditahan pihak berkuasa dan talian kemudian disambungkan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis dari Bukit Aman.

"Pegawai polis terbabit meminta mangsa membuat bayaran bagi membolehkan barangan di pejabat Pos Laju diserahkan tanpa dikenakan tindakan undang-undang.

"Disebabkan takut, mangsa membuat 14 transaksi ke akaun bank milik individu yang tidak dikenali pada 15 September dan 17 September lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Elias berkata, mangsa dijanjikan wang akan dikembali semula selepas proses menerima serahan barang di pejabat Pos Laju Malaysia dalam tempoh dua hari.

Bagaimanapun katanya, wanita berkenaan diminta membuat bayaran RM50,000 lagi menyebabkannya mengesyaki sesuatu dan tidak mahu meneruskan bayaran itu.

"Dia mengesyaki ditipu sindiket Macau Scam dan membuat laporan polis pada 18 September di Balai Polis Alor Setar.

"Orang ramai boleh menyemak kesahihan maklumat yang diterima melalui

<http://ccid.rmp.gov.my/semak-mule/>, selain <http://www.facebook.com/CyberCrimeAlertRMT/>," katanya.



**Mangsa
membuat 14
transaksi ke akaun
bank milik individu
yang tidak dikenali
pada 15 September
dan 17 September lalu.**

Elias Omar,
Ketua Jabatan Siasatan
Jenayah Komersial Kedah